

Media Title : Berita Harian
Headline : Syor Potongan Pinjaman PTPTN Serendah RM10
Date : 13 January 2025
Page : 2
Tone : Neutral News



PTPTN memberi pinjaman kepada pelajar menyambung pengajian ke IPT.

(Foto fail NSTP)

Syor potongan pinjaman PTPTN serendah RM10

Langkah boleh dilaksanakan ikut kemampuan peminjam culas

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cadangan potongan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada peminjam yang culas boleh dilaksanakan, namun perlu mengikut kadar bersesuaian sehingga serendah RM10.

Naib Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM), Maimon Shamsuddin, berkata langkah itu boleh dilaksanakan berdasarkan kemampuan seseorang peminjam, termasuk daripada golongan pesara.

"Kami berpandangan hutang itu wajib dibayar dan bersetuju potongan secara automatik daripada gaji penjawat awam serta pencon bulanan bagi pesara dilaksanakan.

"Namun, jumlah potongan hendaklah bersesuaian. Jika mampu RM10 sebulan, potonglah RM10 sebulan. RM10 ini kadar minimum.

"Contohnya jika ada 100,000 peminjam yang culas, RM1 juta boleh dikutip setiap bulan," katanya kepada BH, di sini, kelmarin.

Sudah pencen tapi belum habis bayar hutang PTPTN



Keratan akhbar BH 6 Januari lalu.

Pastikan pinjaman dikutip

Sebelum ini, Presiden Persatuan Tadbir dan Diplomati Malaysia (PPTD), Datuk Awang Alik Jeman mencadangkan potongan gaji automatik bagi menggalakkan peminjam PTPTN dalam ka-

langan penjawat awam dan pesara kerajaan.

Ia susulan pendedahan Pengurus PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, mengenai kewujudan peminjam PTPTN yang kini sudah mencapai usia 60 tahun tapi masih belum selesai membayar balik pinjaman.

Mengulas lanjut Maimon berkata, apa yang penting ialah wang pinjaman dapat dikutip dan peminjam tidak dibebankan.

"Selain itu, penting juga bagi pinjaman PTPTN dapat diteruskan untuk pelajar akan datang," katanya.

Ibadat & Fadilat

Dari Samwah Ibnu Amir al-Dhabyi berkata: Rasulullah SAW bersabda:

"Sedekah kepada orang miskin akan mendapat pahala sedekah dan sedekah kepada keluarga dekat akan mendapatkan dua pahala, iaitu pahala sedekah dan pahala menyambung kekeluargaan."

(HR Ibnu Majah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:21	1:30	4:51	7:22	8:36
Alor Setar	6:21	1:30	4:51	7:23	8:37
P. Pinang	6:20	1:30	4:52	7:24	8:38
Ipoh	6:16	1:27	4:50	7:22	8:36
Kuala Lumpur	6:12	1:25	4:47	7:23	8:36
Shah Alam	6:12	1:25	4:47	7:23	8:36
Johor Bahru	6:01	1:16	4:40	7:16	8:30
Kuantan	6:06	1:19	4:42	7:17	8:31
Seremban	6:10	1:24	4:47	7:22	8:36
Bandar Melaka	6:08	1:23	4:46	7:22	8:35
Kota Bharu	6:14	1:23	4:44	7:16	8:25
K. Terengganu	6:08	1:19	4:40	7:13	8:27
Kota Kinabalu	5:17	12:27	3:48	6:20	7:34
Kuching	5:36	12:52	4:15	6:51	8:05

Syor Potongan Pinjaman Ptptn Serendah Rm10

Kuala Lumpur: Cadangan potongan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada peminjam yang culas boleh dilaksanakan, namun perlu mengikut kadar bersesuaian sehingga serendah RM10.

Naib Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM), Maimon Shamsuddin, berkata langkah itu boleh dilaksanakan berdasarkan kemampuan seseorang peminjam, termasuk daripada golongan pesara.

“Kami berpandangan hutang itu wajib dibayar dan bersetuju potongan secara automatik daripada gaji penjawat awam serta pencen bulanan bagi pesara dilaksanakan.

“Namun, jumlah potongan liendaklah bersesuaian. Jika mampu RM10 sebulan, potonglah RM10 sebulan. RM10 ini kadar minimum.

“Contohnya jika ada 100,000 peminjam yang culas, RMI juta boleh dikutip setiap bulan,” katanya kepada BH, di sini, kelmarin.

Pastikan pinjaman dikutip Sebelum ini, Presiden Persatuan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD), Datuk Awang Alik Jeman mencadangkan potongan gaji automatik bagi menggalakkan peminjam PTPTN dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan.

Ia susulan pendedahan Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, mengenai kewujudan peminjam PTPTN yang kini sudah mencapai usia 60 tahun tapi masih belum selesai membayar balik pinjaman.

Mengulas lanjut Maimon berkata, apa yang penting ialah wang pinjaman dapat dikutip dan peniinjam tidak dibebankan.

Selain itu, penting juga bagi pinjaman PTPTN dapat diteruskan untuk pelajar akan datang,” katanya.